


GARIS PANDUAN PENGGUNAAN TULISAN JAWI PADA PAPAN IKLAN PREMIS DALAM KAWASAN MAJLIS BANDARAYA KUANTAN

1. **Penggunaan tulisan jawi** adalah pada **jenis aktiviti perniagaan** atau dibolehkan pada keseluruhan papan iklan.
2. Berukuran **sama atau lebih besar** daripada huruf-huruf bagi perkataan dalam Bahasa Kebangsaan yang digunakan bagi nama syarikat atau perniagaan.
3. Diletakkan **dibahagian atas** perkataan utama (Bahasa Kebangsaan) dan perkataan-perkataan dalam bahasa-bahasa lain hendaklah diletakkan di bawah perkataan Bahasa Kebangsaan.
4. Khat tulisan jawi yang digunakan hendaklah jenis **Sakkal Majalla, Uthman Taha atau Arabic Style**.
5. Hendaklah menggunakan tulisan jawi yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atau mendapat pengesahan ahli panel Munsyi Jawi yang dilantik. (Boleh disemak menerusi laman web rasmi DBP (prpm.dbp.gov.my) atau (ebayt.muip.gov.my/jawi)).
6. Apa-apa iklan yang hendak dipamer mestilah mendapat kelulusan pihak Majlis terlebih dahulu.

Contoh 1: Contoh Penggunaan Tulisan Jawi Pada Papan Iklan



Menjawikan jenis aktiviti sahaja

ريستورن

ILHAM TOMYAM

Saiz tulisan jawi haruslah sama besar atau lebih besar dengan nama syarikat atau nama perniagaan dan tulisan jawi haruslah diletakkan diatas

Contoh 2: Contoh Penggunaan Tulisan Jawi Pada Papan Iklan bersama Bahasa lain.



Jika bahasa kebangsaan digunakan bersama dengan bahasa lain, perkataan dalam bahasa kebangsaan hendaklah berukuran 30% lebih besar, diutamakan dari segi kedudukan, digunakan dengan nahu yang betul. (UUK Iklan (MBK) 2022)

قجابت اوروسن

SINAR MUTIARA

珍珠射线

Saiz tulisan jawi haruslah sama besar atau lebih besar dengan nama syarikat atau nama perniagaan dan tulisan jawi haruslah diletakkan diatas